



---

## ***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
  
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
  
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
  
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
  
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
  
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
  
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
  
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





## Kasihi Kerabat Hidup Berkat

(24 Februari 2023M / 3 Syaaban 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي حَثَّ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى الْمَحَبَّةِ وَصَلَّةِ الْأَرْحَامِ،  
وَحَدَّرَهُمْ مِنَ التَّدَابُرِ وَالْقَطِيعَةِ وَالْخِصَامِ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُصْطَفَى الْإِمَامُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّ الرَّحْمَةِ وَرَسُولِ السَّلَامِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحَابَتِهِ الْكِرَامِ،  
مَنْ فِي خَيْرِ مَقَامٍ وَأَسْعَدَ مَقَامٍ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ: أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ -تَعَالَى- فَإِنَّ خَيْرَ الرِّادِ التَّقْوَى  
وَقَالَ جَلَّ وَعَلَا، وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

① سورة النساء

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya menyeru kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**, dengan melakukan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Sebelum melanjutkan bicara, marilah kita memberikan sepenuh tumpuan kepada isi kandungan khutbah hari ini. Jangan berbual-bual, tidur dengan sengaja, bermain telefon bimbit dan menggerakkan tabung kutipan



Jumaat kerana ia bertentangan dengan sunnah serta adab. Tajuk khutbah pada hari ini ialah “**Kasihi Kerabat, Hidup Berkat.**”

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Kita semua hidup berkeluarga. Masing-masing mempunyai ayah dan ibu, anak dan cucu, saudara kandung dan saudara sepupu. Adakala kita menumpang kasih dengan bapa saudara dan ibu saudara. Panggilan mesra kepada mereka seperti Pak Ngah dan Mak Ngah, Pak Long dan Mak Long, menjadi pengikat kasih dan penjalin hubungan silaturrahim antara kaum kerabat. Itulah budaya Melayu yang amat sinonim dengan akhlak Islam yang diajar oleh Rasulullah ﷺ. Al-Quran Al-Karim merakamkan firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah An-Nisa ayat 1:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ، وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ①

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya Hawa) dan juga yang membiakkan dari zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.”

Sejauh mana kita memelihara ikatan silaturrahim antara kaum kerabat, adik-beradik dan sanak saudara kita? Sedarkah para hadirin, bahawa kebahagiaan kita di dunia dan kesejahteraan kita di akhirat amat bergantung kepada ikatan silaturrahim ini.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**



Ada orang inginkan rezeki yang luas tetapi semakin dicari semakin sempit, semakin dikejar semakin fakir, fikiran menjadi buntu dan tidak menentu. Hal ini mungkin berpunca dari silaturrahim yang terputus sudah berpuluh tahun. Disebabkan harta, anak saudara sanggup tidak bertegur sapa dengan bapa saudaranya, saudara kandung sendiri sanggup berputus arang dengan hanya kerana perbezaan fahaman politik. Pertelagahan antara keluarga, dari datuk hingga ke cucu-cicit berkonfrontasi dengan keluarga lain hanya berpunca daripada isu remeh-temeh sahaja. Kalau ini berlaku, mimbar ingin mengingatkan ancaman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** melalui firman-Nya dalam surah Muhammad ayat 22-23:

فَهَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ تَوَلَّيْتُمْ أَنْ تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتُقَطِّعُوا أَرْحَامَكُمْ ﴿٢٢﴾ أُولَئِكَ الَّذِينَ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فَأَصَمَّهُمْ وَأَعَمَّى أَبْصَرَهُمْ ﴿٢٣﴾

Maksudnya: “(Kalau kamu tidak mematuhi perintah) maka tidakkah kamu harus dibimbang dan dikhuatirkan jika kamu dapat memegang kuasa, kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi dan memutuskan hubungan silaturrahim dengan kaum kerabat? (Orang-orang yang melakukan perkara yang tersebut) merekalah yang dilaknat oleh Allah serta ditulikan pendengaran mereka dan dibutakan penglihatan mereka.”

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah melaknat orang-orang yang memutuskan silaturrahim kerana berasa hebat dengan kekayaan serta kedudukan yang dimiliki. Mereka seolah-olah tuli dan buta kerana menolak kebenaran. Semoga Allah pelihara kita semua dari perbuatan keji dan terkutuk ini.

Dalam hal ini, Al Imam An-Nawawi **رَحِمَهُ اللهُ** menyatakan bahawa ikatan kekeluargaan ini boleh dijalinan melalui harta yang dibelanjakan, kebajikan yang dihulurkan, kunjung-mengunjung dan dengan memberi salam.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**



Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** amat suka kepada orang mukmin yang membelanjakan hartanya kepada fakir miskin, lebih-lebih lagi kepada fakir miskin dalam kalangan kaum kerabat terdekat. Oleh itu, huluskanlah bantuan kewangan kepada mereka, mudah-mudahan dengan bantuan kita, dapat meringankan bebanan yang ditanggung. Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** amat suka orang mukmin yang membelanjakan hartanya ke jalan Allah. Namun membelanjakan harta untuk kebajikan ibu bapa dan kaum kerabat hendaklah didahulukan. Kemudian barulah kepada anak yatim, fakir miskin dan *ibnussabil*. Pada makna yang sama, Nabi **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** menegaskan bahawa kita sewajibnya mengutamakan orang yang di bawah tanggungan kita seperti dalam sabda-Nya:

الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى، وَأَبْدَأُ بِمَنْ تَعُولُ

Maksudnya: *“Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah. Mulailah dengan orang yang menjadi tanggungjawabmu....”*

(Hadis Riwayat Imam Al-Bukhari)

Begitu juga Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 215:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ ۗ قُلْ مَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فَلِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ

وَأَبْنِ السَّبِيلِ ۗ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢١٥﴾

Maksudnya: *“Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad): Apakah yang mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: “Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).”*



Mungkin dengan RM100.00 yang dihulurkan dapat menampung yuran persekolahan anak mereka yang sudah tertanggung berbulan-bulan. Mungkin dengan sekampit beras yang dihulurkan boleh menghilangkan kelaparan mereka. Mungkin sekilo ikan yang diberikan, mereka dapat sama-sama menikmati apa yang kita nikmati selama ini. Mungkin sepasang pakaian yang dihadiahkan menjadi pengikat kasih antara bapa saudara dengan anak saudara.

Moga-moga asbab sedekah atau hadiah yang dihulurkan menjadikan kita terlepas daripada sifat bakhil dan sombong dengan harta yang dipinjamkan oleh Allah kepada kita.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH** **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**

Kunjungan ke rumah kaum kerabat dan sanak saudara dapat mengikat serta menyuburkan kasih sayang antara keluarga.

Kadangkala amalan ziarah menziarahi ini ditinggalkan oleh sebahagian masyarakat kita. Apa salahnya kita menyusun jadual untuk menziarahi Pak Long dan Mak long kita yang tinggal di kampung, walaupun ayah dan ibu kita telah meninggal dunia.

Bawalah buah tangan tanda ingatan atau sebagai hadiah hari lahir anak saudara kita. Moga dengan hadiah ikhlas itu dapat menjadi tali penghubung kekeluargaan dan menyuburkan lagi kasih sayang kekeluargaan. Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** pernah memberi pesanan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin malik **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ**:

**مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، أَوْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ**



Maksudnya: “Sesiapa yang suka diluaskan rezekinya atau dipanjangkan umurnya maka hendaklah dia menyambung tali persaudaraan (silaturrahim).”  
(Hadis Riwayat Imam Al-Bukhari)

Itulah kelebihan menghubungkan silaturrahim. Marilah kita menghubungkan silaturrahim dengan bertegur sapa melalui media sosial yang meluas hari ini. Apa guna telefon pintar yang canggih jika tidak selalu bertanya khabar ahli keluarga. Ucapkanlah tahniah atas sesuatu kejayaan yang dicapai oleh sanak saudara kita. Apa salahnya menghiburkan mereka dengan kata-kata pujian dan rasa syukur atas nikmat yang dikecapi oleh mereka.

Mudah-mudahan dengan amalan baik ini kita mendapat apa yang dijanjikan oleh Rasulullah ﷺ iaitu dipanjangkan umur dan dimudahkan rezeki oleh Allah ﷻ dalam mencari keberkatan dan keredhaan Allah.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷻ,**

Sebagai rumusan daripada khutbah hari ini:

**Pertama:** Setiap mukmin hendaklah memelihara hubungan baik dengan kaum keluarga dan menghubungkan silaturrahim yang telah terputus.

**Kedua:** Setiap mukmin hendaklah membantu kaum kerabat dalam bentuk harta benda dan kewangan terutama kepada yang memerlukannya supaya mengurangkan kesempitan hidup mereka.

**Ketiga:** Pemberian dan bantuan kepada kaum kerabat dapat menghindari dari kutukan Allah ﷻ dan mendapat keberkatan dalam kehidupan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.

**Keempat:** Keharmonian hidup lahir dari umat yang bersyukur dan menggunakan nikmat pemberian Allah dengan cara yang paling baik mengikut panduan Al-Quran dan As-Sunnah.

Marilah kita sama-sama merenung firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**:

وَمِنْهُمْ مَّنْ عَاهَدَ اللَّهَ لَإِنِ آتَيْنَا مِنْ فَضْلِهِ لَنَصَّدَّقَنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿٧٥﴾

فَلَمَّا آتَيْنَاهُمْ مِنْ فَضْلِهِ بَخِلُوا بِهِءِ وَتَوَلَّوْا وَهُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٧٦﴾

Maksudnya: “Dan di antara mereka ada yang membuat janji dengan Allah dengan berkata: Sesungguhnya jika Allah memberi kepada kami dari limpah kurnia-Nya, tentulah kami akan bersedekah dan tentulah kami akan menjadi dari orang-orang yang soleh. Kemudian setelah Allah memberi kepada mereka dari limpah kurnia-Nya, mereka bakhil dengan pemberian Allah itu, serta mereka membelakangkan janjinya dan sememangnya mereka orang-orang yang sentiasa membelakangkan (kebajikan).”

(Surah At-Taubah: 75-76)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



# خطبة كدوا بولن فبرواري

2023M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ أَلَايِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِسَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،  
ثُمَّ اَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا حَكِيمًا:  
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلَّم عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الْبَشَرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَائِنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.  
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni  
Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli



Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP). Semoga sumbangan 10% daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid kepada Tabung Wakaf yang telah ditubuhkan, menjadi saham yang berkekalan manfaatnya, di dunia dan akhirat.*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara.*



رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٩٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا  
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٩١﴾